

# Zulkiple TNC baharu USIM

**Nilai:** Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) baharu universiti itu bagi tempoh tiga tahun, berkuat kuasa 15 Januari lalu.

Beliau sebelum ini memangku tugas itu sejak 1 September lalu apabila penyandanginya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, dilantik sebagai Naib Canselor USIM pada Ogos tahun sama.

Zulkiple, 50, ialah anak kelahiran Kedah dan memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) dari University of Edinburgh pada tahun 1996 dalam bidang Dakwah, Komunikasi dan Media Islam, selain Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diperoleh pada tahun 1990.

Kerjaya akademik beliau bermula di UKM sebagai pensyarah di Jabatan Dakwah dan Kepimpinan

(1996-2001); Ketua Jabatan Dakwah dan Kepimpinan (1997-2003), diikuti Felo Kanan Institut Islam Hadhari (2007-2009).

Beliau kemudian berhijrah ke USIM pada tahun 2009 sebagai Profesor di FKP, sebelum dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) fakulti itu (2010-2012) dan seterusnya menjadi Dekan pada tahun 2012.

## Sumbangan signifikan

Sepanjang berkhidmat di USIM, Zulkiple memberi sumbangan signifikan melalui peranannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti, ahli Senat Universiti, Ketua Jawhar bagi Ulum Islamiyyah dan Pembangunan Ummah di bawah Kluster Penyelidikan serta Ketua Pengarang Jurnal Ulum Islamiyyah.

Kepemimpinan dan pengalaman beliau dalam bidang pengajian tinggi turut diiktiraf pihak luar, antaranya dilantik sebagai Ahli Panel Majlis



Zulkiple Abd Ghani

Perundangan Islam (MPI) untuk memberi nasihat dan pandangan asas kepada kerajaan dalam pengurusan hal ehwal Islam; Pengerusi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS); Ahli Lembaga Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM); selain penasihat akademik kepada Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

(KUIS) serta Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).

## Menang pingat emas

Zulkiple turut dilantik menganggotai beberapa badan profesional seperti Majlis Profesor Negara, Persatuan Intelektual Muslim Malaysia dan Arab-US Association of Communication Scholars (AUSACE).

Beliau juga sudah menghasilkan lebih 15 buku dan 23 artikel dalam jurnal tempatan serta antarabangsa, di samping menyelia lebih 30 pelajar pascasiswazah dan menyertai kira-kira 100 persidangan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam bidang penyelidikan pula, beliau pernah memenangi pingat emas pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) Ke-23 pada tahun 2012, pingat perak Ekspo Inovasi Islam (i-Inova 2012) serta Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UKM (2005), serta menerima Anugerah Penyelidikan USIM 2013.